Melalui hasil penyelidikan yang dilakukan sebelum ini, didapati kelembapan boleh mendegradasikan sifat-sifat mekanikal bod komposit diperkuat gentian lignoselulosik berbanding bod komposit diperkuat sintetik yang mampu bertahan lama. Kekurangan ini perlu dibaiki untuk meningkatkan hidropobisiti gentian lignoselulosik melalui perawatan secara kimia dengan agen gandingan yang secocok ataupun penglitupan menggunakan resin yang sesuai untuk mendapatkan komposit yang baik daripada segi sifat mekanikal dan tahan kepada faktor atau serangan dari persekitaran. Penghibridan gentian lignoselulosik dengan gentian sintetik yang lebih kuat dan tahan terhadap kekaratan, misalnya gentian kaca atau karbon juga boleh meningkat dan mengekalkan kekakuan serta kekuatan komposit terhadap kesan rintangan daripada kelembapan, di

samping membangunkan produk yang lebih mesra alam. Kelebihan yang ada dalam setiap gentian dapat menjadi pelengkap kepada kekurangan yang wujud pada gentian yang satu lagi melalui penggunaan komposit hibrid di mana ia mempunyai dua atau lebih gentian yang berlainan (John dan Naidu, 2004; Khalil *et al.*, 2010b).

## **1.2 Objektif**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji kekuatan bod komposit yang dihasilkan daripada matriks vinil ester diperkuat gentian tandan buah kosong kelapa sawit serta gentian kaca dalam lingkungan susunan dan komposisi yang berlainan.

Objektif khusus disenaraikan seperti di bawah:

1. Untuk mengkaji penghasilan komposit hibrid dan bukan hibrid yang dihasilkan daripada pulpa mekanik dan pulpa kimia.
2. Untuk mengkaji kesan penggabungan gentian tandan buah kosong kelapa sawit bersama dengan gentian kaca terhadap kekuatan mekanikal, fizikal dan biologikal.
3. Untuk mengkaji kesan penghibridan terhadap keretakan interfasa (*interface fracture*) antara laminat-laminat dalam komposit hibrid dan bukan hibrid melalui kajian mikroskop penskanan elektron.

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

### **2.1 Definisi Komposit**

Komposit boleh didefinisikan sebagai satu bahan pepejal yang mengandungi kombinasi dua atau lebih bahan dan setiap bahan dalam komposit mengekalkan sifat-sifat individu masing-masing (Richardson, 1987). Menurut Makoto (2009) mendefinisikan komposit secara umumnya adalah bahan kejuruteraan yang mengandungi dua atau lebih gabungan bahan yang dapat memberikan sifat-sifat yang lebih bagus daripada sifat-sifat asal bahan yang berasingan secara individu. Komposit mikrostruktur atau mikrokomposit boleh didefinisikan sebagai bahan-bahan yang mengandungi dua atau lebih fasa-fasa yang berbeza sebagai komponennya. Fasa-fasa itu mungkin fasa berterusan atau fasa tersebar yang terkandung di dalam suatu matriks yang berterusan, manakala komposit makrostruktur boleh ditakrifkan sebagai bahan yang menggabungkan bahan-bahan struktural untuk mendapatkan sifat-sifat kekuatan dan kekakuan. Contohnya pengukuhan dalam elemen matriks.


Satu lagi definisi yang bersesuaian dengan bahan komposit adalah dengan mengambilkira bentuk struktural dan komposisi unsur-unsur bahan digunakan. Menurut Schwartz (1992), bahan komposit adalah satu bahan yang terdiri daripada kombinasi bahan-bahan mentah yang berbeza pada komposisi atau bentuk berdasarkan suatu skala makro dengan tujuan mendapatkan suatu sifat atau ciri yang spesifik. Unsur-unsur yang terlibat mengekalkan sifat fizikal dan sifat kimia masing-masing, dan secara fizikalnya ia boleh dikenalpasti serta menghasilkan satu permukaan antara satu sama lain.



### 2.1.1 Klasifikasi Komposit

Berdasarkan definisi komposit, bahan ini boleh dihasilkan melalui sebarang pengkombinasian dua atau lebih bahan sama ada metalik, organik ataupun tak organik. Komposit ini boleh dikategorikan dalam tiga kumpulan utama mengikut kegunaan bahan matriks, iaitu berasaskan polimer, logam dan seramik. Komposit-komposit ini berbeza dalam sifat dan ciri-cirinya (Cheremisinoff, 1990).

Selain itu, satu pengelasan mudah turut digunakan melalui pengkombinasian bahan asas pengisi atau penguat, bentuk dan struktur unsur-unsurnya. Unsur-unsur yang telah digunakan secara meluas dalam bahan komposit adalah bentuk gentian, partikel, laminar atau lapisan, emping, pengisi dan matriks. Secara umumnya, bahan komposit dikelaskan berdasarkan kepada morfologi unsur penguat dan matriks. Menurut Khalil dan Rozman (2004), terdapat lima kelas umum bagi komposit seperti dalam Rajah 2.1, antaranya komposit gentian yang terhasil daripada gentian bersama atau tanpa matriks, yang kedua ialah komposit partikel yang terhasil daripada partikel bersama atau tanpa matriks, yang ketiga ialah komposit laminar yang terhasil daripada kepingan-kepingan laminar. Seterusnya ialah komposit emping yang terhasil daripada kepingan emping bersama atau tanpa matriks, dan akhir sekali ialah komposit terisi yang terhasil daripada skeletal berterusan terisi matriks melalui bahan kedua.



Rajah 2.1: Klasifikasi komposit (Schwartz, 1992)

Dalam komposit, matriks merupakan unsur badan yang melitupi dan memberi rupa bentuk kepada komposit. Matriks juga bertindak sebagai pengikat atau perekat untuk memegang unsur-unsur lain yang digunakan untuk membentuk suatu komposit. Gentian, partikel, laminar, emping dan pengisi adalah unsur-unsur struktur yang akan menentukan struktur dalaman komposit. Pada kebiasaannya, komposit mempunyai satu fasa gentian yang tidak berterusan yang lebih kaku dan kuat daripada fasa matriks yang berterusan.

### **2.1.2 Bagaimana Komposit Berfungsi**

Komposit seperti jenis yang dibincangkan dalam tesis ini adalah terdiri daripada dua komponen iaitu gentian pengukuh dan bahan matriks. Elemen pengukuh mampu menampung beban tensil yang tinggi, manakala bahan matriks memberikan sifat kekakuan pada komposit. Aplikasi beban ke atas komposit boleh menyebabkan daya beban dipindahkan dari satu gentian ke gentian yang lain melalui matriks. Kekakuan matriks biasanya diiringi dengan sifat kerapuhan. Walau bagaimanapun, kombinasi gentian dan matriks dapat membentuk bahan yang lebih kuat.

Secara umumnya, komposit mungkin gagal daripada segi satu atau dua mekanisma iaitu aliran plastik atau rekahan kerapuhan. Bahan yang digunakan dapat mentakrifkan mekanisma bahan logam (bersifat mulur dan kuat) secara umumnya akan menjadi lemah sebelum ia merekah manakala bahan-bahan bukan logam pula (tidak termasuk sesetengah polimer) akan merekah sebelum ia menjadi lemah. Oleh itu, bahan-bahan bukan logam adalah diklasifikasikan sebagai rapuh. Gentian komposit gagal kerana kecacatan dalam bahan yang digunakan. Kecacatan dalam bahan yang digunakan

adalah seperti gentian yang putus, kecacatan matriks atau tidak wujud ikatan antara gentian dan matriks (Khalil dan Rozman, 2004).

Di kawasan tekanan tinggi iaitu di hujung rekahan, kemungkinan ikatan antara gentian-gentian dengan bahan matriks terputus. Pemisahan interfasa ini menggunakan tenaga dari sistem yang tertekan. Apabila pemisahan sepenuhnya berlaku pada interfasa gentian dan matriks, tenaga tegangan di sepanjang kegagalan ikatan akan hilang sebagai tenaga haba. Gentian yang telah terpisah boleh ditarik keluar dari matriks dan tenaga akan hilang dari sistem dalam bentuk tenaga geseran. Gentian kemudiannya dibiarkan melekat sebagai penyebar rekahan. Walau bagaimanapun, sekiranya tekanan yang mencukupi dipindahkan kepada gentian, gentian itu akan retak.

### **2.1.3 Kelakuan atau Prestasi Komposit**

Menurut Schwartz (1992), kelakuan dan sifat-sifat komposit ditentukan oleh bahan mentah unsur-unsur yang bergabung, bentuk dan struktur bagi taburan unsur-unsur, dan interaksi antara unsur-unsur.

Berdasarkan faktor-faktor ini, sifat intrinsik bahan mentah yang membentuk unsur-unsur komposit merupakan perkara paling penting dalam menyumbang kepada prestasi sesuatu komposit. Sifat ini menentukan keadaan umum atau julat sifat-sifat yang akan ditunjuk oleh suatu komposit itu. Namun begitu, interaksi antara unsur-unsur yang terlibat memberikan satu set sifat-sifat baru yang diterbitkan daripada bahan-bahan asas individu.

Struktur dan bentuk geometri unsur-unsur juga memainkan peranan penting dalam sifat-sifat komposit. Bentuk dan saiz individu, aturan struktur dan taburan, serta kuantiti setiap bahan mentah adalah faktor penting yang menyumbang kepada prestasi komposit secara keseluruhannya. Pembolehubah inilah yang menjadikan komposit sebagai satu bahan yang dapat mencorakkan sifat-sifatnya yang tersendiri dan serbaguna.

Kesan kombinasi atau interaksi unsur-unsur mungkin mempengaruhi kelakuan serta prestasi penggunaan komposit. Sifat-sifat gabungan komposit adalah berbeza memandangkan bahan ini merupakan campuran atau kombinasi unsur-unsur berlainan sama ada berbeza dari segi bahan mahupun bentuk. Prinsip asas yang mendasari rekabentuk, perkembangan dan kegunaan komposit menyebabkan kita menggunakan unsur yang berbeza-beza untuk mencapai sifat dan nilai yang berlainan pada komposit yang dihasilkan.

Terdapat tiga cara di mana sifat-sifat baru yang ditunjukkan oleh komposit adalah berbeza daripada yang terdapat pada unsur-unsur individu (Schwartz, 1992), iaitu campuran (*summation*), pelengkapan (*complementation*), dan interaksi (*interaction*). Cara campuran (*summation*) merupakan cara yang paling jelas mengikut peraturan campuran yang ringkas dan menunjukkan campuran sifat-sifat individu. Hal ini berlaku apabila sumbangan daripada setiap jenis unsur-unsur adalah tidak bergantung antara satu sama lain. Manakala menurut cara pelengkapan (*complementation*), setiap unsur akan melengkapi antara satu sama lain dengan menyumbangkan sifat-sifat yang berasingan dan cemerlang. Seterusnya, cara interaksi (*interaction*) wujud apabila sifat-sifat dan prestasi yang ditunjukkan oleh suatu unsur adalah bergantung kepada sifat dan aksi unsur yang lain. Suatu unsur akan saling melengkapi dan menyempurnakan yang

lain. Sifat-sifat komposit yang dihasilkan biasanya adalah di pertengahan daripada unsur-unsurnya atau lebih tinggi daripada kedua-duanya.

Keaslian dan kejayaan interaksi antara unsur-unsur komposit adalah bergantung kepada darjah keberkesanan pada kawasan antara muka. Zhang dan Richardson (2003) menyatakan bahawa sifat dan ciri bagi antara-muka ini juga dianggap sebagai satu jenis fenomena perekatan dan selalunya ditaksirkan sebagai struktur permukaan bagi bahan-bahan yang terikat. Ciri-ciri sifat permukaan ini adalah seperti kebasahan, tenaga bebas permukaan, kumpulan berpolar di atas permukaan serta kekasaran permukaan bahan untuk pengikatan di mana ia merupakan faktor terbesar yang perlu dipertimbangkan apabila peningkatan dalam kekuatan ikatan diambil kira (Khalil dan Rozman, 2004). Ciri-ciri ini juga mempengaruhi tindak balas yang terlibat dalam fenomena perekatan seperti kesesuaian dari segi kimia, penyerapan, kebolehasahan dan tegangan yang wujud daripada pembengkakan yang berbeza. Apa-apa yang mengambil bahagian pada antara-muka adalah bergantung kepada tindak balas antara permukaan unsur tersebut dengan fasa pengikat (Schwartz, 1992; Zhang dan Richardson, 2003).

#### **2.1.4 Kelebihan Komposit**

Kini, bahan komposit telah menjadi bahan kejuruteraan dan bahan komoditi penting dalam sektor perindustrian. Pelbagai jenis produk sukan dan produk aktiviti rekreasi seperti bot, bod layar, ski, papan luncur dan raket juga diperbuat daripada komposit. Komposit-komposit juga kebanyakannya digunakan dalam sektor perindustrian dan agrikultur (tangki air, paip dan komponen-komponen kapal terbang atau aeroangkasa). Dalam sektor elektrik dan semikonduktor pula, komposit digunakan dalam pembuatan sarung suis, kotak sambungan, kabel dan kabinet, komponen-komponen pengganti dan

lain-lain lagi (Bowen, 1989). Secara komersilnya, komposit-komposit adalah diperbuat dari resin epoksi, poliester tak tepu dan lain-lain bahan termoset serta termoplastik sebagai bahan matriks. Dalam bidang kejuruteraan yang terbaru, bahan-bahan pengukuh yang digunakan adalah seperti kaca, grafit, aramid, gentian-gentian termoplastik, logam dan seramik.

Komposit ini mampu memenuhi keperluan pelbagai reka bentuk dengan penjimatan berat yang signifikan dan nisbah kekuatan kepada berat lebih tinggi jika dibandingkan dengan bahan konvensional. Beberapa kelebihan bahan komposit berbanding dengan bahan konvensional ialah kekuatan tensil komposit adalah 4 hingga 6 kali ganda lebih baik berbanding kekuatan tensil besi atau aluminium, tahap ketahanan yang lebih tinggi sehingga 60% daripada kekuatan tensil muktamad, jangka hayat yang panjang memberikan ketahanan impak dan ketahanan terhadap serangan alam sekitar yang sangat baik. Di samping itu, komposit adalah lebih versatil atau serbaguna daripada besi dan boleh diolah untuk memenuhi pelbagai keperluan prestasi dan reka bentuk yang kompleks. Komposit juga mempunyai kos kitar hayat yang lebih rendah berbanding besi, malahan menunjukkan ketahanan hakisan yang baik dan kalis api.

## **2.2 Matriks - Bahan Yang Digunakan**

Matriks adalah salah satu unsur terpenting dalam komposit gentian. Unsur ini menyumbangkan dua fungsi yang sangat penting, iaitu berperanan memegang fasa gentian pada satu tempat dan di bawah daya yang dikenakan di mana matriks akan mengalami kegagalan dan menyebarkan tegangan kepada unsur-unsur gentian yang mempunyai modulus tinggi.

Matriks merupakan satu laluan lemah dalam komposit kerana pada masa ini masih belum wujud lagi resin yang dapat menanggung tekanan yang sama seperti ditanggung oleh gentian. Apabila komposit di bawah bebanan, matriks mungkin akan mengalami keretakan mikro, membentuk retakan yang lebih besar melalui gabungan retakan-retakan mikro, penyahikatan daripada permukaan gentian serta menjadi lemah ketika peregangan komposit, iaitu jauh lebih rendah daripada yang dijangkakan. Namun, matriks dapat mempelbagaikan fungsinya dalam membina satu sistem komposit yang mampu bekerja mengikut kehendak yang ditetapkan.

Selain daripada fungsi yang dinyatakan di atas, matriks juga turut menyediakan suatu halangan ke atas perambatan rekahan dan kerosakan disebabkan oleh pengaliran plastik pada hujung rekahan. Matriks turut memainkan peranan penting dalam menentukan penghadan suhu keseluruhan komposit di samping mengawal halangan terhadap persekitaran yang didedahkan. Matriks berfungsi untuk melindungi penguat daripada kerosakan permukaan yang disebabkan oleh pelelasan dan tindak balas kimia dengan persekitaran (Mustaffa, 1991). Rintangan terhadap penembusan cecair serta bebas rongga pada komposit juga boleh dicapai melalui penggunaan matriks ini. Bagi menepati tujuan pemindahan bebanan dan mengurangkan peluang kegagalan pada matriks, pelekatan pada gentian atau unsur penguat hendaklah digabungkan dengan kekuatan ricihan matriks yang cukup untuk menanggung bebanan tersebut. Gabungan ini memastikan suatu komposit itu dapat berfungsi dan berkerja dengan baik serta mempamerkan prestasi yang cemerlang.

Secara umumnya, matriks boleh dibahagikan kepada dua jenis yang utama dan paling banyak digunakan, iaitu termoset dan termoplastik. Pemilihan matriks biasanya

bergantung kepada keperluan akhir penggunaan komposit tersebut. Resin termoplastik adalah bahan yang boleh dilembutkan berulang kali apabila dipanaskan atau dikeraskan kembali apabila disejukkan. Ini termasuklah polivinil alkohol, selulosa ester, polistirena dan lain-lain. Resin termoset pula mengalami tindak balas kimia yang tetap melalui tindakan suhu, pemangkin dan lain-lain. Elastomer adalah bahan yang meregang di bawah suhu bilik dan pada tekanan yang rendah, tetapi kembali kepada panjang asal setelah tekanan dilepaskan. Bahan-bahan ini biasanya adalah sintetik, mempunyai sifat-sifat elastik seperti getah. Elastomer yang dimaksudkan termasuklah poliisoprena, silikon, polibutilena dan lain-lain (Makoto, 2009).

Dalam kayu dan lain-lain gentian lignoselulosik, dinding sel yang terdiri dari selulosa dan hemiselulosa dan dipegang bersama oleh matriks lignin juga adalah komposit. Pektin yang wujud dalam struktur dinding sel juga berfungsi sebagai salah satu dari bahan matriks. Hampir kesemua tumbuhan dikotiledon dan juga sedikit tumbuhan monokotiledon adalah kaya dengan pektik polisakarida. Komposisi pektik polisakarida adalah asid galaktouronik, ramnosa, arabinosa dan galaktosa.

### **2.2.1 Matriks Termoset**

Bahan termoset didefinisikan sebagai bahan plastik yang pada awalnya berbentuk cecair monomer, oligomer atau pra-polimer, matang sama ada dengan haba atau pemangkin dan akan menjadi bahan yang tidak larut dan tidak boleh dimasuki oleh mana-mana bahan. Struktur rangka kerjanya yang kaku tidak membenarkan sebarang pencacatan atau penggelinciran berlaku di antara rangkaian molekulnya. Sewaktu pemprosesan, haba biasanya dibekalkan untuk memulakan tindak balas kimia yang akan membentuk sambung silang yang tetap di antara rantai dalam matriks.



Resin termoset selalunya adalah cecair atau pepejal takat cair rendah pada bentuk asalnya. Resin cecair ini akan bertukar kepada pepejal kaku yang kuat dengan sambung silang secara kimia melalui satu proses pematangan yang melibatkan penggunaan haba dan penambahan agen pematangan atau pengeras. Setelah matang, satu rangkaian ikatan tiga dimensi yang kuat terbentuk di dalam resin. Oleh itu, resin tidak lagi boleh dicairkan, dibentuk semula dan diproses sekali lagi melalui pemanasan. Struktur rantai yang kaku menghalang pembentukan semula atau kegelinciran daripada berlaku pada rantai molekulnya di samping membawa kepada kestabilan dimensi, rintangan suhu tinggi serta rintangan terhadap pelarut (Schwartz, 1992).


Menurut Bellmann *et al.*, (2005) matriks termoset mempunyai beberapa kelemahan seperti sifat ketegangan yang menghampiri kegagalan, kerapuhan, kitar pematangan yang panjang serta penyerapan lembapan yang boleh menyebabkan kesan yang buruk ke atas sifat-sifat mekanikal. Contoh yang biasa dijumpai adalah dalam poliester tidak tepu, urea formaldehid dan epoksi. Termoset seharusnya mempunyai sifat-sifat kelikatan yang rendah pada awalnya supaya bahan yang dihasilkan selepas proses pematangan akan bersambung silang, mempunyai ketahanan kekuatan yang tinggi tetapi mempunyai pecahan tegangan yang rendah (Wang *et al.*, 2005).

Polimer-polimer termoset telah menjadi dasar utama dan pilihan yang popular sebagai bahan matriks untuk komposit-komposit polimer. Resin termoset yang biasa digunakan dalam pembuatan komposit ialah poliester, vinil ester dan epoksi. Vinil ester merupakan resin termoset yang biasa digunakan dalam plastik diperkuat gentian (FRP), namun dalam pasaran kebanyakannya adalah epoksi bagi resin komposit termaju

(Schwartz, 1992). Keterikan yang rendah terhadap kegagalan semasa pematangan, memiliki sifat kekakuan tinggi serta kemampuan untuk membasahi bungkusan gentian panjang telah menyumbang penggunaan yang meluas bagi resin ini dalam pelbagai lapangan pengaplikasian komposit (Cheremisinoff, 1990). Dengan mengambil kira kesan terhadap kos perbelanjaan, vinil ester dilihat telah memadai untuk memenuhi jangkaan bagi pengaplikasian bertujuan umum.

### 2.2.2 Resin Vinil Ester

Vinil ester dihasilkan menerusi tindak balas epoksi Bisfenol A dengan asid metakrilik yang membentuk bahagian tidak tepu untuk tindak balas dengan monomer seperti stirena. Metil etil keton peroksida dan benzoil peroksida yang digunakan untuk pempolimeran bertindak sebagai pemula radikal bebas (Kalthoff, 2004). Rajah 2.2 menunjukkan struktur polimer termoset vinil ester.



Rajah 2.2: Struktur polimer termoset vinil ester

Resin vinil ester lebih senang diproses berbanding dengan resin epoksi. Vinil ester monomer mempunyai dua terminal yang mempunyai dua radikal bebas. Dua radikal ini berkeupayaan bertindak balas dengan polimer tidak tepu agar proses pematangan dapat berlaku (Malik, 2000). Vinil ester mempunyai monomer reaktif seperti stirena. Kumpulan reaktif (stirena) berfungsi untuk merendahkan kepekatan resin dan meningkatkan keunggulan polimer supaya kadar tindak balas adalah tinggi serta

berupaya meningkatkan masa pemejalan. Vinil ester mempunyai ciri-ciri seperti modulus yang tinggi, takat suhu genting yang tinggi, berat yang kurang atau ketumpatan yang rendah dan kos yang rendah.

Nisbah antara bahan dengan isipadu yang tinggi dalam suatu bod komposit yang dihasilkan menyebabkan sebahagian daripada kandungan stirena dalam vinil ester terbebas ke udara. Keadaan ini menyebabkan terhasilnya peraturan atau undang-undang *Environmental Protection Agency* (2003) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat untuk menghentikan stirena meruap daripada dibebaskan ke ruang udara. Bahan yang mudah meruap ini adalah bahaya terhadap kesihatan manusia dan persekitaran. Pembebasan bahan meruap ini berlaku semasa proses pengadunan dan penghasilan bod komposit.

Kandungan stirena yang rendah dalam vinil ester mempengaruhi proses pembuatan komposit. Apabila kandungan stirena dikurangkan, kepekatan resin turut menurun. Keadaan ini menyebabkan proses pencampuran antara matriks dan bahan penguat (EFB) tidak dapat dilakukan dengan efisien atau berkesan dan secara tidak langsung ia mempengaruhi sifat kekerasan bod komposit (Malik, 2000).

Stirena digantikan oleh vinil toluena untuk menambahbaikkan sifat kekerasan komposit. Penggantian ini masih tidak boleh mengatasi masalah pembebasan bahan meruap, tetapi masalah ini dapat dikurangkan. Pengganti bahan meruap ini berupaya mengurangkan masalah ini kepada tahap yang minimum dan mengurangkan kos bahan mentah yang mahal (Smeal, 1994).

Untuk mengelakkan pembebasan stirena yang banyak, bahan penghalang meruap stirena digunakan. Bahan penghalang yang biasa digunakan ialah wax parafin (Bogner, 1994). Penggunaan bahan parafin melemahkan ikatan antara matriks dan bahan penguat (Lacovara, 1999). Pembebasan bahan meruap stirena dapat dikawal dengan jisim molekul. Namun, jisim molekul vinil ester yang rendah akan menghadapi nilai flektural yang rendah. Hal ini berlaku disebabkan kadar tindak balas menjadi terlalu tinggi dan menyebabkan proses pematangan yang lama. Jisim molekul yang tinggi mempunyai nilai kekuatan dan kekakuan yang tinggi dan sebaliknya kandungan jisim molekul vinil ester yang rendah akan mendorong kepada pemprosesan bod komposit yang lebih sukar atau proses pematangan yang lebih lama (LeMay dan Kelly, 1986).

### **2.2.3 Metil Etil Keton Peroksida**

Pemangkin yang biasa digunakan untuk memamatkan vinil ester adalah terdiri daripada peroksida organik yang terdapat dalam pelbagai bentuk iaitu cecair, pepejal atau serbuk. Pemangkin boleh didefinisikan sebagai sesuatu substrat yang berupaya mempercepatkan sesuatu proses tindak balas pematangan. Peroksida akan mengalami perubahan bentuk sebelum ia boleh memangkinkan resin dan juga dikenali sebagai pemula (Rozman, 2002).

Terdapat dua jenis sistem pemula yang sering digunakan dalam pematangan resin vinil ester. Pemula yang berkesan adalah tindak balas kimia yang dijalankan pada suhu bilik tinggi. Pemula radikal dalam peroksida berfungsi untuk membebaskan radikal bebas apabila dikenakan haba dan suhu yang tinggi. Bagi penukaran kepada resin-monomer yang tidak aktif, peroksida ini perlu diaktifkan oleh sesuatu bahan atau tenaga yang lain

sebelum boleh menukarkan larutan resin-monomer yang tidak aktif kepada keadaan yang bersesuaian untuk dipolimerisasikan (Rozman, 2002).

Dalam kes vinil ester, haba perlu dibekalkan untuk mengaktifkan peroksida. Haba ini boleh menyebabkan penguraian peroksida kepada radikal bebas di samping mengaktifkan ikatan dubel pada molekul vinil ester dan monomer tidak tepu untuk memulakan mekanisme penyambung silang. Peroksida yang digunakan dengan meluas adalah benzoil peroksida, 2,4-diklorobenzoil peroksida, di-tert-peroksida, di-tert-butil peroksida dan lauroil peroksida (Rozman, 2002).

#### **2.2.4 Kobalt**

Kobalt digunakan sebagai ajen pencepat atau penggalak dalam proses pematangan. Campuran pemangkin dengan pencepat memendekkan masa pematangan dan hal ini membolehkan resin yang dimasukkan ke dalam bod komposit menjadi matang dengan lebih cepat dan berkesan. Fungsi utama kobalt adalah untuk mempercepatkan proses pematangan yang tidak dapat dilakukan oleh pemangkin seperti Metil Etil Keton Peroksida (MEKP). Sifat-sifat kobalt adalah kekerasan dan kerapuhan yang tinggi. Kobalt tidak boleh dicampurkan ke dalam resin dalam kuantiti yang banyak kerana hal ini akan mempengaruhi sifat mekanikal komposit hibrid yang dihasilkan (Bauer, 1990).

#### **2.3 Bahan Pengukuh**

Bahan pengukuh adalah bahan yang dimasukkan secara berasingan untuk memperbaiki struktur dan sifat-sifat sesuatu bahan. Bahan pengukuh boleh digunakan dalam bentuk berterusan (gentian, filamen atau pita) atau tidak berterusan (misai atau emping) (Khalil dan Rokiah, 2004). Bahan utama yang dipanggil matriks bertindak sebagai pengikat.

Bahan pengukuh adalah medium yang menampung beban. Komponen dalam komposit yang bersifat pengukuh, selalunya dalam bentuk gentian.

Darjah pengukuhan adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya termasuklah sifat-sifat mekanik dan fizikal bahan matriks dengan gentian, geometri dan orientasi gentian (nisbah panjang / diameter), pecahan isipadu dan mutu interfasa antara bahan matriks dengan gentian pengukuh.

Bahan pengukuh menyebarkan beban dan tegangan yang dikenakan ke seluruh struktur. Kewujudan agen-agen pengukuh dalam julat yang besar menandakan keberkesanan yang telah dicapai dalam industri polimer. Keunikan komposit polimer adalah disebabkan oleh sifat dan kelakuan gentian pengukuh. Walau bagaimanapun, peningkatan saiz gentian merendahkan sifat-sifat tensil. Untuk mengatasi masalah ini, gentian-gentian diikat bersama dengan bahan matriks. Hal ini menyebabkan beban yang dikenakan disebar oleh daya pemutus. Oleh itu, ikatan yang baik diperlukan dalam interfasa. Bahan-bahan pengukuh dapat mengurangkan kos, memperbaiki sifat-sifat elektrik, meningkatkan nisbah kekuatan kepada ketumpatan dan kekakuan kepada ketumpatan, meningkatkan rintangan terhadap kelemahan, impak dan pecahan yang disebabkan oleh tekanan (Patterson dan Tsai, 1988).

Gentian sintetik yang selalu digunakan dalam komposit adalah seperti kaca, boron pada filamen teras tungsten, grafit atau karbon dan poliamida aromatik (Kevlar). Ia menggabungkan ketumpatan rendah ( $1.44-2.77 \text{ g/cm}^3$ ), kekuatan yang sangat tinggi (3.0-4.5 GPa) dan modulus (80-550 GPa). Bahan-bahan pengukuh lain yang turut digunakan termasuklah asbestos, seramik dan logam (Joshi, 2003). Komposit polimer

diperkuat gentian yang diperbuat daripada gentian sintetik ini mempunyai kelebihan dari segi kekuatan mekanikal yang ditawarkan dan berprestasi tinggi. Namun begitu, keburukan gentian-gentian ini pula dipengaruhi oleh kos yang sangat tinggi, beracun, tidak mesra alam, ketidakefisienan sebagai binaan struktur dan impak negatif kepada persekitaran. Semua ini merupakan faktor penghalang dalam penggunaan gentian buatan manusia. Penggunaan gentian semula jadi sebagai bahan pengukuh dalam komposit termoset dan termoplastik telah menjadi sesuatu yang menarik sejak kebelakangan ini. Gentian-gentian semula jadi telah dijadikan suatu alternatif kepada gentian-gentian yang dibuat oleh manusia terutama sekali gentian kaca.

### **2.3.1 Antara-muka Gentian-Matriks**

Prestasi baik sesuatu komposit adalah ditentukan oleh unsur-unsur yang terlibat dalam pembentukan komposit. Kebiasaannya, unsur-unsur ini mempunyai kekuatan dan modulus penguatan yang tinggi terbenam dalam matriks. Apabila dua atau lebih bahan ini bercampur dan bergabung antara satu sama lain boleh menghasilkan kawasan berterusan atau persentuhan yang bertindak sebagai suatu ikatan antara unsur penguat dan juga matriks. Dengan mudahnya, ia akan membentuk satu permukaan yang merupakan hasil daripada ikatan biasa unsur-unsur komposit yang bercampur. Sempadan antara matriks dan bahan penguat yang dikenali sebagai antara-muka ini selalunya dikawal untuk mencapai sifat-sifat yang diinginkan daripada pasangan bahan mentah tersebut (Guduri *et al.*, 2007).

Bahan penguat dalam satu komposit mampu menanggung beban tensil tinggi. Pada masa yang sama, matriks memberikan kekakuan kepada komposit. Pengaplikasian tekanan ke atas komposit memberikan hasil dalam pemindahan beban dari satu unsur